

Tiada bukti kesalahan hakim

Kuala Lumpur: Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) mendapati tiada sebarang bukti kesalahan jenayah dilakukan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Seri Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu turut dipersetujui Jabatan Peguam Negara.

Katanya, sebaik menerima laporan berkait dakwaan rasuah dan konflik kepentingan memabitkan Mohd Nazlan ketika mengendalikannya kes SRC International (SRC), SPRM membuka siasatan terhadap hakim berkenaan dan menyiasat dengan teliti.

“Berhubung kes rasuah itu, SPRM menyiasat dengan teliti dan mendapati tiada kesalahan jenayah dan ia dipersetujui Pejabat Peguam Negara,” katanya menjawab soalan Senator Datuk A Kesavadas pada persidangan Dewan Negara, semalam.

Mengenai dakwaan Mohd Nazlan ada konflik kepentingan ketika kendali kes SRC babit bekas

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Anwar berkata, perkara itu sudah diputuskan Mahkamah Persekutuan ketika menolak permohonan Najib kemuka keterangan baharu.

“Dengan kata lain, isu konflik kepentingan telah diputuskan secara muktamad oleh mahkamah tinggi negara. Pada 9 Ogos 2022, pihak defendan telah menarik balik dakwaan ke atas Mohd Nazlan.

“Alasan keputusan Mahkamah Persekutuan adalah relevan kerana memuktamadkan kes ini bahawa sumber wang yang diselewengkan dari SRC International tidak relevan bagi tujuan pembuktian pertuduhan melibatkan kesalahan jenayah, pecah amanah,” katanya.

Beliau menjelaskan, elemen penting untuk dibuktikan bagi pertuduhan itu adalah sama ada tertuduh mempunyai dominasi



Mohd Nazlan

terhadap dana yang diselewengkan itu atau sebaliknya.

“Jadi, Mahkamah Persekutuan mendapati tiada kaitan antara pekerjaan terdahulu Hakim Mohd Nazlan di Maybank dengan pertuduhan itu. Sumber dana yang diselewengkan juga tidak relevan, itu juga

diakui peguam defendan.

“Jika sumber diselewengkan itu tidak relevan, maka peranan Hakim Mohd Nazlan juga tidak relevan. Demikian keputusan Mahkamah Persekutuan dan kerajaan mengakui keputusan ini,” ujarnya.

Pada Julai 2020, Mohd Nazlan yang ketika itu Hakim Mahkamah Tinggi mendapati Najib bersalah atas tujuh tuduhan pecah amanah, salah guna kuasa dan pengubahan wang haram dana SRC dan memerintahkannya dipenjara 12 tahun serta denda RM210 juta.